



**MINIT MESYUARAT KEDUA**  
**JAWATANKUASA INDUK KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)**  
**INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) KE-7**

---

Tarikh : 13 Januari 2011  
Masa : 2.30 petang  
Tempat : Bilik Lembaga, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran  
Universiti Putra Malaysia  
Kehadiran : Lampiran A

| MINIT     | AGENDA  | TINDAKAN/<br>MAKLUMAN                  |
|-----------|---|--|
| Minit 2.1 | <b>Kata Aluan Pengerusi</b><br><br>Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli Jawatankuasa Induk serta wakil daripada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) ke mesyuarat kedua Jawatankuasa Induk Konvensyen KIK peringkat IPTA ke-7.  | <b>Makluman</b>                        |
| Minit 2.2 | <b>Pengesahan Minit Mesyuarat</b><br><br>Mesyuarat bersetuju mengesahkan minit mesyuarat yang lepas tanpa sebarang pindaan.   | <b>Makluman</b>                        |
| Minit 2.3 | <b>Perkara Berbangkit</b><br><br>2.3.1 Pada minit 1.2.1 (Penetapan Tarikh), mesyuarat <b>bersetuju</b> mengekalkan tarikh Konvensyen pada 1 – 3 Mac 2011.<br><br>2.3.2 Pada minit 1.2.2, mesyuarat dimaklumkan terdapat perubahan pada lokasi pertandingan konvensyen bagi persembahan kategori Pengurusan. Perubahan ini dibuat berdasarkan maklumbalas ahli mesyuarat dengan mengambil kira kemudahan dan mobiliti para penyokong/pemerhati. Lokasi pertandingan yang dipersetujui adalah seperti berikut:<br>(a) Panggung Percubaan, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi persembahan Kategori Teknikal; dan<br>(a) Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi persembahan Kategori Pengurusan. | <b>Makluman</b><br><br><b>Makluman</b> |

| MINIT | AGENDA  | TINDAKAN/<br>MAKLUMAN  |
|-------|---|--|
|       | <p>2.3.3 Pada minit 1.2.2, mesyuarat dimaklumkan bahawa Majlis Penutupan Konvensyen akan diadakan di Ballroom Hotel Nouvelle.</p> <p>2.3.4 Pada minit 1.4.2 (Syarat-syarat Pertandingan), memaklumkan bahawa UTM telah menghantar senarai projek yang telah dipertandingkan pada Konvensyen KIK yang lepas dan <b>meminta</b> IPTA yang pernah menjadi tuan rumah juga berbuat demikian.</p> <p>2.3.5 Pada minit 1.4.7, <b>meminta</b> supaya menghantar slaid <i>power point</i> persembahan kumpulan selewat-lewatnya pada 10 Februari 2011 .</p> <p>2.3.6 Pada minit 1.5.1 (Yuran Pernyertaan), mesyuarat <b>bersetuju</b> menetapkan sebanyak RM50 seorang bagi kadar bayaran Pemerhati/Penyokong. Kemudahan yang diterima adalah minum pagi, makan tengahari dan minum petang.</p> <p>2.3.7 Pada minit 1.5.2, mesyuarat <b>bersetuju</b> dan membenarkan Pengiring atau Pemerhati/Penyokong dimasukkan dalam senarai mana-mana kumpulan yang tidak mencapai keahlian maksimum 10 orang. Dimaklumkan juga bahawa pembayaran yuran penyertaan adalah sebanyak RM3,500 untuk setiap kumpulan (maksimum 10 orang).</p> <p>2.3.8 Pada minit 1.5.3, mesyuarat <b>bersetuju</b> membenarkan jumlah maksimum pemerhati/penyokong di kalangan IPTA yang tidak menyertai Konvensyen adalah seramai enam (6) orang dengan kadar bayaran sebanyak RM3,500 setiap Universiti.</p> <p>2.3.9 Pada minit 1.6.1 (Pemilihan Juri), memaklumkan bahawa seramai lapan (8) orang juri akan dipilih yang mana dua (2) orang adalah simpanan bagi tujuan kecemasan.</p> <p>2.3.10 Pada minit 1.7.1 (Kategori dan Nilai Hadiah), <b>mencadangkan</b> supaya memberi Penarafan Bintang kepada projek kumpulan yang bertanding. Penarafan Bintang ini adalah berdasarkan markah yang diperolehi oleh setiap kumpulan, sebagai contohnya markah 80 - 100 diberi taraf bintang Emas. Mesyuarat <b>bersetuju</b> menerima cadangan yang dikemukakan dan akan memasukkan penarafan bintang tersebut dalam sijil penyertaan kumpulan.</p> | <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Tindakan: Wakil UiTM, UPSI, UKM, UMS, USM</b></p> <p><b>Tindakan: Semua IPTA</b></p> <p><b>Tindakan: Semua IPTA</b></p> <p><b>Tindakan: Semua IPTA</b></p> <p><b>Tindakan: Semua IPTA</b></p> <p><b>Makluman / Tindakan: Urus setia</b></p> <p><b>Makluman / Tindakan: Urus setia</b></p> |

| MINIT                   | AGENDA   | TINDAKAN/<br>MAKLUMAN   |
|-------------------------|--|---|
|                         | <p>2.3.11 Pada minit 1.7.2, <b>meminta</b> supaya Kumpulan CHARGE iaitu Johan Keseluruhan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyerahkan Piala Pusingan kepada pihak Urus Setia selewat-lewatnya sebulan sebelum tarikh Konvensyen.</p> <p>2.3.12 Pada minit 1.9.2 (Keperluan Penginapan), memaklumkan bahawa para Peserta dan Pemerhati/penyokong akan ditempatkan di Hotel Nouvelle, Seri Kembangan. Mesyuarat juga <b>meminta</b> supaya mana-mana Universiti yang memerlukan penginapan yang tidak termasuk dalam pakej (bilik seorang) diminta menguruskan sendiri atau pihak Urus Setia akan mengenakan bayaran tambahan.</p> <p>2.3.13 Pada minit 1.11.2 (Gambar dan Logo Pasukan), mesyuarat <b>meminta</b> supaya menghantar Gambar dan Logo Pasukan ke alamat emel pihak Urus setia <a href="mailto:t_rozi@putra.upm.edu.my">t_rozi@putra.upm.edu.my</a> selewat-lewatnya pada 19 Januari 2011.</p> | <p><b>Tindakan: Wakil UKM</b></p> <p><b>Makluman /Tindakan: Semua IPTA</b></p> <p><b>Tindakan: Semua IPTA</b></p> |
| <p><b>Minit 2.4</b></p> | <p><b>Laporan Konvensyen</b></p> <p><b>2.4.1 Jadual Aktiviti Pelaksanaan Konvensyen</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>(a) mengambil makluman Jadual Aktiviti Pelaksanaan Konvensyen (Rujuk <b>Lampiran 1</b>).</p> <p>(b) <b>meminta</b> supaya pembayaran yuran penyertaan dibuat selewat-lewatnya pada 1 Februari 2011 iaitu sebulan sebelum tarikh Konvensyen. Pembayaran adalah menggunakan cek di atas nama Bendahari UPM atau melalui <i>Electronic Fund Transfer</i> (EFT) ke akaun Bendahari. Mesyuarat <b>juga meminta</b> supaya pihak Urus setia memaklumkan nombor akaun Bendahari pada laman sesawang Konvensyen KIK IPTA.</p> <p>(c) <b>bersetuju</b> untuk mengadakan proses undian bagi menentukan giliran persembahan kumpulan pada 10 Februari 2011 iaitu semasa Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Induk Konvensyen KIK IPTA.</p>   | <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Tindakan: Semua IPTA / Urus setia</b></p> <p><b>Tindakan: Semua IPTA</b></p>         |

| MINIT | AGENDA  | TINDAKAN/<br>MAKLUMAN   |
|-------|---|---|
|       | <p>(d) <b>mencadangkan</b> supaya meminda tarikh pendaftaran peserta iaitu dari 1 Mac 2011 kepada 2 Mac 2011. Mesyuarat <b>tidak bersetuju</b> dengan cadangan yang dikemukakan dengan alasan supaya tidak berlaku kesesakan pada pagi hari Majlis Pembukaan Konvensyen.</p> <p>(e) dimaklumkan bahawa tarikh raptai bagi kumpulan adalah pada 1 Mac 2011 jam 3.30 petang dengan tempoh masa yang diberi adalah selama 5 minit setiap Kumpulan.</p> <p>(f) dimaklumkan bahawa jemputan bagi Majlis Penutupan Konvensyen adalah Menteri Pengajian Tinggi. Mesyuarat <b>meminta</b> supaya menjemput semua Naib Canselor dan Pendaftar IPTA.</p> <p><b>2.4.2 Atur acara program</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>(a) mengambil makluman Atur acara program Konvensyen (Rujuk <b>Lampiran 2</b>).</p> <p>(b) dimaklumkan bahawa Majlis Penutupan Konvensyen akan berakhir pada jam 10.30 malam, ini adalah selari dengan arahan baharu Pengurusan Universiti Putra Malaysia.</p> <p><b>2.4.3 Status penyertaan Kumpulan</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>(a) mengambil makluman Status Penyertaan KIK pada Konvensyen kali ke-7 ini (Rujuk <b>Lampiran 3</b>).</p> <p>(b) membentangkan status penyertaan KIK iaitu sebanyak 16 kumpulan bagi Kategori Pengurusan dan 10 kumpulan bagi kategori Teknikal. Manakala bagi kumpulan simpanan adalah sebanyak 7 kumpulan bagi Kategori Pengurusan dan 5 kumpulan bagi Kategori Teknikal. Secara keseluruhan jumlah penyertaan adalah sebanyak 23 kumpulan bagi Kategori Pengurusan dan 15 kumpulan bagi Kategori Teknikal.</p> | <p><b>Tindakan:<br/>Semua IPTA /<br/>Urus setia</b></p> <p><b>Makluman /<br/>Tindakan:<br/>Semua IPTA</b></p> <p><b>Makluman<br/>/Tindakan: Urus<br/>setia</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> |

| MINIT                   | AGENDA   | TINDAKAN/<br>MAKLUMAN  |
|-------------------------|--|--|
|                         | <p>Mesyuarat <b>bersetuju untuk menerima</b> semua penyertaan dan membuka lagi penyertaan bagi kategori Teknikal. Mesyuarat <b>meminta</b> supaya menghantar borang penyertaan selewat-lewatnya pada 19 Januari 2011.</p>  | <p><b>Tindakan:<br/>Semua IPTA</b></p>   |
| <p><b>Minit 2.5</b></p> | <p><b>Proses Undian</b></p> <p>Mesyuarat <b>bersetuju</b> bahawa semua penyertaan kumpulan diterima maka proses undian tidak akan dibuat.</p>  | <p><b>Makluman<br/>semua</b></p>   |
| <p><b>Minit 2.6</b></p> | <p><b>Hal-hal Lain</b></p> <p><b>2.6.1 Permohonan Penginapan Bilik Seorang</b></p> <p>Mesyuarat <b>bersetuju</b> untuk mengenakan kadar harga tambahan kepada mana-mana Pemerhati/Penyokong yang memerlukan penginapan bilik seorang.</p> <p><b>2.6.2 Rakaman Persembahan</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>(a) memaklumkan bahawa rakaman persembahan dan <i>'live streaming'</i> akan dilaksanakan semasa persembahan Kumpulan.</p> <p>(b) menerima maklumbalas daripada wakil IPTA bahawa rakaman persembahan pada Konvensyen KIK Kali ke-6 di Universiti Sains Malaysia (USM) belum diterima oleh Kumpulan. Mesyuarat <b>meminta</b> supaya rakaman persembahan tersebut diserahkan pada 10 Februari 2011 iaitu semasa Mesyuarat akan datang.</p> <p><b>2.6.3 Sesi Bergambar</b></p> <p>Mesyuarat <b>bersetuju</b> untuk mengadakan sesi bergambar semua ahli Jawatankuasa Induk Konvensyen KIK dan dimasukkan dalam Buku Program Konvensyen.</p> | <p><b>Tindakan:<br/>Urus setia</b></p> <p><b>Makluman /<br/>Tindakan:<br/>Urus setia</b></p> <p><b>Makluman /<br/>Tindakan:<br/>Wakil USM</b></p> <p><b>Tindakan:<br/>Urus setia</b></p> |

| MINIT                   | AGENDA   | TINDAKAN/<br>MAKLUMAN                                 |
|-------------------------|--|---|
|                         | <p><b>2.6.4 Pengangkutan</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa kemudahan pengangkutan akan disediakan untuk peserta dari Sabah dan Sarawak, begitu juga dengan Pegawai Pengiring.</p>  | <p><b>Makluman /<br/>Tindakan:<br/>Urus setia</b></p> |
| <p><b>Minit 2.7</b></p> | <p><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dan diharap kerjasama daripada semua Universiti dapat memantapkan pelaksanaan Konvensyen KIK akan datang.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.04 petang.</p> |   |

**SENARAI KEHADIRAN**  
**MESYUARAT KEDUA JAWATANKUASA INDUK KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN**  
**KREATIF (KIK) INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) KALI KE-7**

Tarikh : 13 Januari 2011  
Masa : 2.30 petang  
Tempat : Bilik Lembaga, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran

**Kehadiran**

- 1 En. Hashim Md. Shari, Universiti Putra Malaysia (UPM) - **Wakil Pengerusi**
- 2 Pn. Rozitah Md. Amin, Universiti Malaya (UM)
- 3 Pn. Alamah Zakaria, Universiti Sains Malaysia (USM)
- 4 Pn. Suhaida Abd. Rahman, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 5 En. Abdul Razib Hj Shahudin, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- 6 En. Mohd Ehsan Amin, Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- 7 Cik Suraya Deraman, Universiti Utara Malaysia (UUM)
- 8 En. Ilmyzat Ismail, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- 9 Pn. Zainorah Matnoor, Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- 10 En Nasriman Abdul Rahman, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- 11 En. Ahmad Tarmizi Al Shaari, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- 12 En. Mohamah Hanif Mohamed Isa, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)
- 13 Pn. Siti Rahimah Rahaman, Universiti Teknologi Melaka (UteM)
- 14 En. Muhamad Tasyrif Shazali, Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- 15 En. Murhazlan Mohamed, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- 16 Y.M. Putri Saniah Megat Abd Rahman, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- 17 En. Mazlan Mohammad, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA)
- 18 En. Janudin Bakar, Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM)
- 19 Pn Azmah Ma'ali, Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- 20 Pn. Rozi binti Tamin - **Setiausaha**

**Tidak hadir**

- 1 Pn. Haszrinaz Husain@Hashim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- 2 Pn. Adibah Hanim Abdul Rasid, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

**JADUAL AKTIVITI KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) PERINGKAT  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) KALI KE-7  
DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
Dikemaskini: 13 Januari 2011**

| TARIKH     | AKTIVITI  | STATUS PELAKSANAAN |
|------------|---|--------------------|
| 8/11/2010  | <b>Mesyuarat Pertama JK Induk Konvensyen KIK IPTA Kali ke-7 di UPM</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penetapan tarikh, syarat pertandingan, kuota penyertaan</li> </ul>  | √                  |
| 20/12/2011 | <b>Pelancaran laman web Konvensyen KIK IPTA Kali ke-7</b><br><a href="http://www.reg.upm.edu.my/kik_ipta">www.reg.upm.edu.my/kik_ipta</a> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Muat turun borang-borang, paparan maklumat-maklumat Konvensyen</li> </ul>  | √                  |
| 3/1/2011   | <b>Penghantaran borang Penyertaan (A), borang Abstrak (B), dan borang Keperluan Peralatan (C)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuota yang dibenarkan setiap Universiti adalah 2 kumpulan ( 1 kategori Pengurusan &amp; 1 kategori Teknikal)</li> <li>• Maksimum bilangan kumpulan yang akan bertanding selama 2 hari adalah 40 kumpulan ( 20 kategori Pengurusan &amp; 20 kategori Teknikal)</li> </ul>   | √                  |
| 13/1/2011  | <b>Mesyuarat Kedua JK Induk Konvensyen KIK IPTA Kali ke-7 di UPM</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses undian bagi pemilihan kumpulan daripada Universiti yang ingin menghantar lebih daripada 2 kumpulan (sekiranya kuota penyertaan yang ditetapkan belum tercapai)</li> <li>• Penyerahan Gambar dan logo Pasukan untuk dimasukkan dalam Buku Program</li> <li>• Penyerahan Borang Keperluan Penginapan bagi tujuan tempahan bilik hotel</li> </ul> | √                  |
| 1/2/2011   | <b>Pembayaran Yuran Penyertaan/Pemerhati</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembayaran kepada Bendahari, UPM selewat-lewatnya 30 hari sebelum konvensyen berlangsung</li> <li>• Pembayaran melalui Cek atau <i>Electronic Fund Transfer</i> melalui nombor akaun <b>1215 000 5004050</b></li> </ul>   |                    |
| 10/2/2011  | <b>Mesyuarat Ketiga JK Induk Konvensyen KIK IPTA Kali ke-7 di UPM</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyerahan dan pengumpulan cenderahati setiap Universiti (bilangan cenderahati adalah sebanyak 100 unit)</li> <li>• Penghantaran slaid <i>power point</i> (maksimum 150 slaid) dan dicetak tidak melebihi 2 slaid dalam satu kertas yang sama</li> </ul>   |                    |



| <b>TARIKH</b>                  | <b>AKTIVITI</b>  | <b>STATUS<br/>PELAKSANAAN</b> |
|--------------------------------|--|-------------------------------|
| <b>1/3/2011</b>                | <b>Pendaftaran Penginapan dan Raptai</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pendaftaran penginapan mulai jam 2.00 petang di Hotel Nouvelle</li><li>• Pendaftaran peserta dan penyerahan tag nama, buku program dan cenderahati pada jam 3.00 petang di Dewan Besar</li><li>• Taklimat di Dewan besar dan Raptai di Dewan pertandingan iaitu Dewan Besar (Kategori Pengurusan) dan Panggung Percubaan (kategori Teknikal) pada jam 3.30 petang</li></ul> |                               |
| <b>2/3/2011 -<br/>3/3/2011</b> | <b>Majlis Pembukaan/Perasmian dan Persembahan/Pembentangan projek kumpulan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Majlis pembukaan/perasmian oleh Naib Canselor UPM di Dewan Besar pada jam 8.00 pagi</li><li>• 20 kumpulan setiap hari (10 kumpulan kategori Pengurusan, 10 kumpulan kategori Teknikal)</li><li>• 2 kategori berjalan serentak di 2 tempat konvensyen</li></ul>  |                               |
| <b>3/3/2011</b>                | <b>Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Majlis penutupan di Ballroom Nouvelle Hotel</li><li>• Cadangan jemputan VVIP adalah Menteri Pengajian Tinggi</li><li>• Penyampaian sijil penyertaan dan hadiah kepada pemenang</li></ul>  |                               |

**ATUR ACARA**  
**KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)**  
**PERINGKAT INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)**  
**KALI KE-7 TAHUN 2011**

**HARI PERTAMA**

**TARIKH** : 01 MAC 2011 (SELASA)  
**MASA** : 3.00 PETANG  
**TEMPAT** : DEWAN BESAR & PANGGUNG PERCUBAAN  
PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN  
ABDUL AZIZ SHAH

02.00 petang *Check -in* Peserta dan Pemerhati di hotel Nouvelle, Seri Kembangan Selangor

03.00 petang Pendaftaran Peserta di Dewan Besar

03.30 petang Taklimat di Dewan Besar dan Raptai Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) di Dewan Besar (Kategori Pengurusan) dan Panggung Percubaan (Kategori Teknikal)

**5.00 petang** **Minum Petang / bersurai**

**HARI KEDUA**

**TARIKH** : 02 MAC 2011 (RABU)  
**MASA** : 8.00 PAGI – 5.30 PETANG  
**TEMPAT** : DEWAN BESAR & PANGGUNG PERCUBAAN  
PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN  
ABDUL AZIZ SHAH

08.00 pagi Ketibaan Peserta dan Pemerhati/Penyokong di Dewan Besar Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

08.15 pagi Ketibaan Panel Hakim/ Dif-dif Jemputan

08.20 pagi Ketibaan Naib Canselor UPM

08.30 pagi Ketibaan Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kementerian Pengajian Tinggi

08.35 pagi Nyanyian lagu Negara Ku

08.40 pagi Bacaan Doa

08.50 pagi Ucapan Aluan oleh Y.Bhg. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi, Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia

09.10 pagi Ucapan Perasmian Konvensyen oleh Y.Bhg. Dato' Rohani Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengajian Tinggi

09.25 pagi Taklimat Pertandingan

09.30 pagi

- Tetamu kehormat membuat lawatan ke pameran Inovasi
- Persediaan kumpulan untuk memulakan pertandingan. Kumpulan Kategori Teknikal beredar ke Panggung Percubaan manakala Kumpulan Kategori Pengurusan kekal di Dewan Besar

09.45 pagi Persembahan - *Kumpulan 1*

## Lampiran 2

|                    |   |
|--------------------|---|
| 10.15 pagi         | Persembahan - <i>Kumpulan 2</i>   |
| 10.45 pagi         | <b>Minum pagi</b>   |
| 11.15 pagi         | Persembahan - <i>Kumpulan 3</i>   |
| 11.45 pagi         | Persembahan - <i>Kumpulan 4</i>   |
| 12.15 tengahari    | Persembahan - <i>Kumpulan 5</i>   |
| 12.45 tengahari    | Persembahan - <i>Kumpulan 6</i>   |
| 01.15 petang       | <b>Makan Tengahari / Rehat / Solat</b>  |
| 02.30 petang       | Persembahan - <i>Kumpulan 7</i>   |
| 03.00 petang       | Persembahan - <i>Kumpulan 8</i>   |
| 03.30 petang       | Persembahan - <i>Kumpulan 9</i>   |
| 04.00 petang       | Persembahan - <i>Kumpulan 10</i>  |
| 04.30 petang       | Persembahan - <i>Kumpulan 11</i>  |
| 05.00 petang       | Persembahan - <i>Kumpulan 12</i>  |
| 05.30 petang       | <b>Minum petang / bersurai</b>  |
| <b>HARI KETIGA</b> |   |
| <b>TARIKH</b>      | <b>: 03 MAC 2011 (KHAMIS)</b>   |
| <b>MASA</b>        | <b>: 8.00 PAGI – 5.30 PETANG</b>  |
| <b>TEMPAT</b>      | <b>: DEWAN BESAR &amp; PANGGUNG PERCUBAAN<br/>PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN<br/>ABDUL AZIZ SHAH</b> |
| 08.00 pagi         | Ketibaan Peserta dan Pemerhati/Penyokong  |
| 08.30 pagi         | Persembahan - <i>Kumpulan 13</i>  |
| 09.00 pagi         | Persembahan - <i>Kumpulan 14</i>  |
| 09.30 pagi         | Persembahan - <i>Kumpulan 15</i>  |
| 10.00 pagi         | <b>Minum Pagi</b>   |
| 10.30 pagi         | Persembahan - <i>Kumpulan 16</i>  |
| 11.00 pagi         | Persembahan - <i>Kumpulan 17</i>  |
| 11.30 pagi         | Persembahan - <i>Kumpulan 18</i>  |
| 12.00 tengahari    | Persembahan - <i>Kumpulan 19</i>  |
| 12.30 tengahari    | <b>Makan Tengahari / Rehat / Solat</b>  |
| 02.30 petang       | Persembahan - <i>Kumpulan 20</i>  |
| 03.00 petang       | Persembahan - <i>Kumpulan 21</i>  |
| 03.30 petang       | Persembahan - <i>Kumpulan 22</i>  |
| 04.00 petang       | Persembahan - <i>Kumpulan 23</i>  |
| 04.30 petang       | Perbincangan Panel Hakim /Semua Peserta dan Pemerhati<br>berkumpul di Dewan Besar untuk mendengar ulasan panel juri   |
| 05.00 petang       | Ulasan Panel Juri   |

|  |  |
|--|--|
| 05.30 petang                             | <b>Minum petang dan bersurai</b>   |
| <b>Persediaan untuk Majlis Penutupan</b> |  |
| <b>HARI KETIGA<br/>MAJLIS PENUTUPAN</b>  |  |
| <b>TARIKH</b>                            | <b>: 03 MAC 2011 (KHAMIS)</b>  |
| <b>MASA</b>                              | <b>: 8.00 MALAM – 10.30 MALAM</b>  |
| <b>TEMPAT</b>                            | <b>: HOTEL NOUVELLE, SERI KEMBANGAN, SELANGOR</b>  |
| 07.45 malam                              | Ketibaan Peserta dan Pemerhati   |
| 08.00 malam                              | Ketibaan VIP dan jemputan  |
| 08.10 malam                              | Ketibaan Naib Canselor UPM   |
| 08.15 malam                              | Ketibaan Y.B Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin<br>Menteri Pengajian Tinggi  |
| 08.20 malam                              | Nyanyian Lagu Negaraku   |
| 08.25 malam                              | Bacaan Doa   |
| 08.35 malam                              | Ucapan Aluan oleh:<br>Y.Bhg. Ir. Dato' Dr. Radin Umar Radin Sohadi<br>Naib Canselor UPM  |
| 8.45 malam                               | Ucapan Penutupan Konvensyen oleh:<br>Y.Bhg. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin<br>Menteri Pengajian Tinggi   |
| 9.00 malam                               | Makan Malam<br>Persembahan Kebudayaan  |
| 9.30 malam                               | Majlis Penyampaian: <ul style="list-style-type: none"><li>• Cenderahati kepada Juri</li><li>• Anugerah Persembahan Terbaik (Kategori Pengurusan)</li><li>• Anugerah Persembahan Terbaik (Kategori Teknikal)</li><li>• Anugerah Inovasi Terbaik (Kategori Pengurusan)</li><li>• Anugerah Inovasi Terbaik (Kategori Teknikal)</li><li>• Anugerah Khas: Anugerah Inovasi Harapan</li><li>• Pemenang <b>Tempat Ketiga</b> (Kategori Pengurusan)</li><li>• Pemenang <b>Tempat Ketiga</b> (Kategori Teknikal)</li><li>• Pemenang <b>Naib Johan</b> (Kategori Pengurusan)</li><li>• Pemenang <b>Naib Johan</b> (Kategori Teknikal)</li><li>• Pemenang <b>Johan</b> (Kategori Pengurusan)</li><li>• Pemenang <b>Johan</b> (Kategori Teknikal)</li><li>• Anugerah Fasilitator Terbaik</li><li>• Pemenang <b>Johan Keseluruhan</b></li></ul> |
| 10.30 malam                              | Majlis Tamat / bersurai  |

**STATUS PENYERTAAN KUMPULAN PADA KONVENSYEN KIK PERINGKAT IPTA KE-7**

| Bil           | IPTA  | KATEGORI PENGURUSAN |          | KATEGORI TEKNIKAL |          |
|---------------|---|---------------------|----------|-------------------|----------|
|               |   | PENYERTAAN          | SIMPANAN | PENYERTAAN        | SIMPANAN |
| 1             | Universiti Putra Malaysia (UPM)               | 1                   | 1        | 1                 | 1        |
| 2             | Universiti Malaya (UM)                        | 1                   | 0        | 1                 | 0        |
| 3             | Universiti Sains Malaysia (USM)               | 1                   | 1        | 1                 | 1        |
| 4             | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)          | 1                   | 1        | 1                 | 1        |
| 5             | Universiti Teknologi Malaysia (UTM)           | 1                   | 1        | 1                 | 1        |
| 6             | Universiti Teknologi Mara (UiTM)              | 1                   | 1        | 1                 | 1        |
| 7             | Universiti Utara Malaysia (UUM)               | 1                   | 0        | 0                 | 0        |
| 8             | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) | 1                   | 0        | 0                 | 0        |
| 9             | Universiti Malaysia Sabah (UMS)               | 1                   | 0        | 1                 | 0        |
| 10            | Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)          | 1                   | 1        | 0                 | 0        |
| 11            | Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)     | 1                   | 0        | 0                 | 0        |
| 12            | Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)           | 1                   | 0        | 1                 | 0        |
| 13            | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)    | 0                   | 0        | 0                 | 0        |
| 14            | Universiti Malaysia Pahang (UMP)              | 1                   | 1        | 0                 | 0        |
| 15            | Universiti Malaysia Kelantan (UMK)            | 0                   | 0        | 0                 | 0        |
| 16            | Universiti Malaysia Terengganu (UMT)          | 0                   | 0        | 0                 | 0        |
| 17            | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)        | 1                   | 0        | 0                 | 0        |
| 18            | Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA)      | 0                   | 0        | 0                 | 0        |
| 19            | Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM)         | 1                   | 0        | 1                 | 0        |
| 20            | Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM)    | 0                   | 0        | 1                 | 0        |
| <b>JUMLAH</b> |   | <b>15</b>           | <b>7</b> | <b>10</b>         | <b>5</b> |